



PPIB UMS sempat merakamkan gambar kenangan selepas acara kemuncak penanaman pokok di halaman Dewan Kg Bundu Tuhan.

BP 11-9-2013 AG

UMS laksana khidmat masyarakat di Kampung Bundu Tuhan

BUNDU TUHAN: Seramai 23 kakitangan akademik dan sokongan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program khidmat masyarakat di Kampung Bundu Tuhan, Ranau baru-baru ini.

Khidmat masyarakat itu yang diketuai oleh Pensyarah PPIB, Prof Madya Dr Andreas Totu itu diadakan selama dua hari dengan pelbagai pengisian melibatkan penduduk setempat.

Beliau yang mewakili Dekan PPIB, Prof Dr Vincent Pang, turut mengetuai sesi dialog bersama barisan pemimpin kampung, acara sukan dart selain program motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bundu Tuhan yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

Rombongan itu turut mengadakan gotong-royong membersihkan surau dan menyerahterikan sumbangan



ANDREAS (tengah) menyerahkan sumbangan kepada Surau Attaqwa.

kepada Rumah Kanak-kanak Don Bosco.

Selain itu, rombongan PPIB turut memulakan penyelidikan merangkumi asal-usul dan demografi Bundu Tuhan, mitos dan legenda, media, pendidikan, kepimpinan, biodiversiti dan potensi pelancongan di kampung itu.

Menurut Dr Andreas hasil penyelidikan itu akan diterbitkan dalam bentuk buku kelak dalam usaha membantu

komuniti mengekalkan kekayaan warisan budaya di Kampung Bundu Tuhan.

Majlis perasmian program terbabit telah disempurnakan oleh Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Program selama dua hari itu turut mendapat sokongan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin serta Persatuan Graduan Bundu Tuhan.